

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam memperkasakan artis-artis tanah air tanpa mengira agama dan bangsa. Bagaimanakah pihak Kementerian memastikan kebajikan artis-artis tempatan dan keluarga mereka adalah terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan/Agensi di bawahnya dari semasa ke semasa menjalankan usaha-usaha memperkasakan artis-artis tanah air tanpa mengira agama dan bangsa. Kementerian ini juga sentiasa menghargai sumbangan dan mengambil berat kebajikan artis-artis tempatan dan keluarga mereka. Antara usaha yang dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan Bantuan Pentadbiran dan Kegiatan Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan dan Tabung Amanah dan Sumbangan (TAS) di bawah Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni. Bantuan ini bertujuan bagi membantu penggiat seni, budaya dan warisan (individu dan persatuan) tanpa mengira latar belakang kaum atau etnik dalam membantu mengembangkan dan melestarikan seni, budaya dan warisan negara. Bantuan ini boleh dipertimbangkan kepada penggiat yang layak dan memenuhi garis panduan bantuan di bawah Jawatankuasa Panel Penilai Kebudayaan;

b) Kementerian ini melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara juga telah mewujudkan Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kebudayaan bagi penyaluran bantuan kewangan kepada NGO seni dan budaya dalam membantu melaksanakan program dan aktiviti seni dan budaya;

c) Melaksanakan program keusahawanan berteraskan seni budaya bagi memberi peluang kepada para penggiat seni melibatkan diri dalam bidang keusahawanan seperti *Young Art Entrepreneur (YAE!)*, *Art Expo*, Hari Kraf Kebangsaan dan Satu Daerah Satu Industri – Produk Kraf;

d) Memberi peluang dan ruang kepada artis tempatan untuk berkarya dan membuat persembahan melalui program anjuran Kementerian dan jabatan/agensi di bawahnya seperti Majlis Rumah Terbuka Malaysia, Program MySeni Budaya serta program bertaraf antarabangsa seperti Festival Kesenian Orang Asli dan Peribumi dan *Living Arts Festival*;

e) Memberi peluang kepada tokoh-tokoh seni untuk mendidik generasi muda dalam program-program anjuran Kementerian seperti Satu Produk Satu IPT dan Program Perantisan; dan

f) Memberi pengiktirafan kepada karyawan dan budayawan tempatan melalui Anugerah Seni Negara (ASN), Tokoh Kraf Negara, Warisan Orang Hidup, Anugerah Seni Budaya Negeri dan Apresiasi Seni - Tokoh Seni Budaya Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN NO. 418

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar lepasan Program Asasi Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) yang membuat permohonan ke IPTA, bilangan pelajar lepasan Program Asasi Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) yang berjaya ditawarkan dengan pilihan pertama dari tahun 1990 hingga 2018 mengikut pecahan setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

Kementerian telah menerima purata 4,493 permohonan calon lepasan program asasi Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia

NO. SOALAN: 418

(UiTM) melalui UPUOnline untuk kemasukan program pengajian peringkat Ijazah Pertama IPTA. Dari jumlah tersebut, sebanyak purata 89% (3,995 orang) telah berjaya ditawarkan tempat pengajian di IPTA dengan purata 30% (1,341orang) berjaya ditawar program pengajian di pilihan pertama. Kejayaan mendapat tawaran adalah bergantung kepada bilangan tempat yang di sediakan oleh IPTA.

RT48/418